

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]
TARIKH : 04 APRIL 2018
SOALAN : 51**

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) jumlah peruntukan yang disediakan untuk menaik taraf dan menambah baik infrastruktur hospital-hospital di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan keselamatan struktur bangunan hospital terutamanya bangunan hospital yang lama

Tuan Yang di-Pertua,

a) Di bawah RP1 (2016) dan RP2 (2017) RMK11, sejumlah **RM1.536 bilion** telah diperuntukkan bagi menaiktaraf dan menambah baik infrastruktur hospital-hospital di seluruh negara. Peruntukan ini merangkumi pelbagai butiran projek seperti berikut:

- i. Kemudahan Hospital sebanyak RM522 juta;
- ii. Hospital Baru sebanyak RM516 juta;

- iii. Naiktaraf, Ubahsuai & Pembaikan sebanyak RM109 juta;
- iv. ICT sebanyak RM44 juta; dan
- v. Peralatan & Kenderaan sebanyak RM343 juta.

Manakala peruntukan di bawah RP3 RMK-11 bagi tujuan yang sama pula adalah berjumlah **RM1.240 bilion** dengan perincian berikut:

- i. Kemudahan Hospital sebanyak RM668 juta;
- ii. Hospital Baru sebanyak RM179 juta;
- iii. Naiktaraf, Ubahsuai & Pembaikan sebanyak RM70 juta;
- iv. ICT sebanyak RM51 juta; dan
- v. Peralatan & Kenderaan sebanyak RM270 juta.

Untuk makluman YB Bintulu, pihak Kementerian di bawah Penswastaaan Perkhidmatan Sokongan Hospital melaksanakan penyelenggaraan berjadual melalui Pelan Penyelenggaraan Pencegahan (*Planned Preventive Maintenance*) dan Pemeriksaan Rutin (*Routine Inspection*) bagi aspek penyelenggaraan struktur bangunan untuk memastikan struktur bangunan hospital termasuk bangunan hospital lama sentiasa dalam keadaan yang baik dan selamat. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan, tindakan segera di ambil bagi membaikpulih kerosakan tersebut. Kementerian ini juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi teknikal seperti JKR jika terdapat sebarang kerosakan yang memerlukan kepakaran khas bagi mendapatkan khidmat nasihat teknikal sebelum kerja membaikpulih dilaksanakan.